

Rel berkembar

BH 22 JAN 2002

Oleh Othman Mamat, Ahmad Ghazali Musa dan Abdul Razak Raaff

GELANG PATAH, Isnin – Kerajaan akan terus memajukan pembangunan sistem pengangkutan rel termasuk pembinaan sistem rel elektrik berkembar dari Johor Bahru ke Padang Besar, Perlis.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata walaupun pembangunan itu memakan belanja yang besar sehingga berbilion ringgit, ia adalah satu pelaburan yang akan menyumbang kepada ekonomi negara.

“Walaupun ia mungkin tidak mendatangkan keuntungan besar kepada Keretapi Tanah

Melayu Bhd (KTMB) tetapi kemudahan perkhidmatan pengangkutan yang lebih baik ini membolehkan lebih banyak tempat di sepanjang laluannya mendapat nilai tambah pembangunan.

“Kita tidak melihat setiap pelaburan yang dibuat kerajaan hanya memberi keuntungan besar dan serta merta kerana ianya juga boleh menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara,” kata Perdana Menteri ketika berucap pada Majlis Pelancaran Sambungan Rel KTMB ke Pelabuhan Tan-

Jerang. Kerajaan akan memajukan pembangunan dan sistem pengangkutan walaupun terpaksa perbelanjaan yang

— Datuk

jung Pelepas (PTP), di Wisma PTP, Tanjung Kupang, di sini, hari ini.

Hadir sama Menteri Besar Johor, Datuk Gbduh Ghani Othman; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ling Liong Sik; Timbalan Menteri Penganku-

Johor-Perlis diteruskan

meneruskan
an memaju kan
utan r e l
sa mengeluarkan
g tinggi

Seri Dr Mahathir Mohamad

tan, Tan Seri Ramli Ngah Talib; Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Zaharah Shaari, Pengerusi KTMB, Tan Sri Thong Yaw Hong dan Pengerusi PTP, Datuk Mohd Taufik Abdullah.

Dr Mahathir berkata projek

landasan berkembar itu dijangka memakan belanja besar memandangkan projek sambungan rel dari Kulai ke PTP sejauh 31.5km itu pun sudah memakan belanja RM500 juta.

“Itu untuk *single track* (trek tunggal)... untuk *double tracking* (trek berkembar) akan membabitkan berbilion ringgit,” katanya.

Projek landasan berkembar dan rel elektrik setakat ini sudah dilaksanakan untuk laluan Seremban-Rawang. Landasan kereta api berkembar dari Rawang ke Ipoh dijangka siap pada 2004, manakala laluan Ipoh ke Padang Besar dan Seremban ke Johor Bahru, dijangka siap pada 2007.

Apabila siap kelak, kekerapan perjalanan kereta api dapat ditingkatkan sehingga 50 kali berbanding penggunaan satu landasan yang terhad kepada 10 perjalanan sehari.

Perdana Menteri berkata kerajaan rela membelanjakan wang yang banyak bagi memodenkan sistem pengangkutan di negara ini kerana rakyat juga akan mendapat faedahnya.

Katanya, pada masa ini, pengangkutan kereta api menjadi semakin popular bagi mengangkut barang, kontena dan penumpang kerana tidak memerlukan waktu urusan yang lama berbanding menggunakan pengangkutan udara.

Beliau berkata, sistem pe-

ngangkutan kereta api akan lebih berkesan, selesa dan tidak mengambil masa panjang apabila negara mempunyai sistem pengangkutan kereta api menggunakan landasan berkembar.

“Kita mampu mengadakan kereta api berkelajuan 160 hingga 180 kilometer sejam yang membolehkan perjalanan Singapura ke Kuala Lumpur mengambil masa hanya dua jam dan lebih selesa,” katanya.

Terdahulu, Dr Mahathir bersama pemimpin kerajaan lain melawat Stesen Kereta Api Gelang Patah dan menaik tren khas ke PTP sejauh 32 kilometer yang mengambil masa kira-kira 15 minit.